

KOLONIALISME BRITISH TERHADAP NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU KETIKA PERANG DUNIA PERTAMA

(British Colonialism among Federated Malay States during World War I)

Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Bin Samsudin

ABSTRAK

Sejarah perluasan kuasa British di Tanah Melayu sememangnya berkait rapat dengan kolonialisme British dalam sesebuah peristiwa yang berakhir dengan keuntungan kepada British. Perkara yang sama turut berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam peristiwa Perang Dunia Pertama apabila Tanah Melayu berdepan dengan pelbagai ancaman dan pengaruh luar daripada Jerman dan Turki yang mampu mengganggu gugat kepentingan British. Menyedari hal ini, British telah menggubal dan meminda dasar-dasar penting sepanjang zaman perang agar kepentingannya dapat terus dijaga. Namun begitu, disebalik usaha-usaha British untuk memperkukuhkan penguasaan politik di negeri-negeri Melayu tersebut, ancaman Jerman dan pengaruh Turki masih kekal sehinggalah Perang Dunia Pertama tamat. Lantaran itu artikel ini akan menganalisis sejauhmanakah kolonialisme British dalam Perang Dunia Pertama dapat memperkukuhkan penguasaannya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pergantungan terhadap kajian sumber primer seperti *Proceeding of the Federal Council*, *Government Gazette* dan fail-fail sekretariat negeri. Dapatan awal kajian mendapati usaha British dalam penggubalan dan pindaan dasar sepanjang zaman perang telah berjaya memperkukuhkan kepentingannya di Tanah Melayu khususnya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Perang Dunia Pertama telah memberi ruang kepada British untuk memperkukuhkan penguasaannya melalui penggubalan dan pindaan dasar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Kata Kunci: Sejarah Kolonial, Sejarah Perang, Kolonialisme, Perang Dunia Pertama, Dasar British

ABSTRACT

The history of British expansion of power in Malaya is closely linked to British colonialism that ended with the advantage to the British. The same thing happened in the Federated Malay States in the First World War when Malaya was threatened with various threats and foreign influences from Germany and Turkey that could threaten British colonial power. Recognising this, the British have enacted and amended vital policies during wartime in order to maintain the control. However, despite British efforts to strengthen political domination in the Malay states, the threat of German and Turkish influence remained until

the First World War ended. Therefore this article will analyze the extent of British colonialism in the First World War to strengthen its dominance in the Federated Malay States. This study used qualitative research methods based on primary sources such as Proceeding of the Federal Council, Government Gazette and the state secretariat files. Initial results showed that the British effort in the implementation of policies during the war have succeeded in strengthening its interests in Malaya, particularly Federated Malay States. The First World War had allowed the British to strengthen his control through the legislation and amendment of policies in the Federated Malay States.

Key words: Colonial History, War History, Colonialism, First World War, British policy

PENGENALAN

Konflik Perang Dunia Pertama (PD1) yang berlaku pada 28 Julai 1914 tidak harus terasing dalam pensejarahan Malaysia. Walaupun peperangan tersebut meletus di Eropah namun kesannya turut dirasai oleh negara-negara di seluruh dunia termasuklah Tanah Melayu. Sebagai negeri-negeri jajahan dan naungan British, Tanah Melayu turut menerima kesan daripada konflik PD1 yang terbahagi kepada dua pihak iaitu Kuasa Bersekutu dan Kuasa Pusat. Di Tanah Melayu terdapat 3 bentuk pentadbiran yang dikuasai oleh British iaitu Negeri-Negeri Selat (NNS) yang merupakan negeri jajahan takluk mahkota British dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) serta Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) yang merupakan negeri naungan British. Justeru itu, penglibatan British dalam PD1 secara tidak langsung telah mengheret negeri-negeri Melayu ke dalam lingkungan pengaruh British.

Menjelang PD1, kolonialisme British terhadap NNMB dilihat telah pun kukuh hasil daripada Sistem Residen yang telah mengambil kuasa pemerintahan daripada raja-raja Melayu. Seterusnya kolonialisme British diperkembangkan melalui Perjanjian Persekutuan 1895. Melalui perjanjian tersebut, NNMB secara rasminya menjadi negeri naungan British yang akan ditadbir di bawah nasihat Kerajaan British yang diwakili oleh Residen Jeneral (Sidhu, 1980: 41). Penguasaan British terhadap sultan melalui residen dan Residen Jeneral menambah keyakinan British bahawa negeri-negeri naungannya itu berada sepenuhnya di bawah penguasaan British. Seterusnya pentadbiran British di NNMB terus diperkemas melalui penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) pada 1909 yang meletakkan Gabenor British di Singapura yang juga merupakan Pensuruhjaya Tinggi British untuk mengetuai majlis tersebut dalam pengubalan undang-undang di NNMB.

Namun begitu, penguasaan politik yang dikuasai oleh British tidak menghalang perkembangan pengaruh luar di NNMB. Negara-negara lain seperti Turki dan Jerman turut mempunyai pengaruh dalam aspek-aspek tertentu di negeri-negeri Melayu (Muhammad Aslah Akmal & Mohd Samsudin, 2016: 45). Sebelum PD1 meletus, pentadbiran British di negeri-negeri Melayu mempunyai hubungan yang baik dengan Jerman dan Turki malah konsul Jeneral bagi negara Jerman, Turki dan Austria Hungary telah dilantik untuk menjaga kepentingan warganegara masing-masing (FS2449/1905, 3 Mei 1905). Walaubagaimanapun, apabila PD1 meletus yang melibatkan peperangan British dan sekutunya dengan Jerman, Turki, Austria-Hungary dan Bulgaria, British sedar kolonialisme British di negeri-negeri Melayu harus terus diperkukuh. Kebimbangan ini adalah disebabkan masih terdapatnya pengaruh daripada musuh-musuh British ke atas penduduk NNMB.

Justeru itu, kajian ini akan membincangkan usaha-usaha pengukuhan kolonialisme British di NNMB sepanjang zaman perang. Sepanjang zaman perang, pengaruh luar seperti Turki dan Jerman dianggap sebagai musuh utama British. Ini berikutan terdapatnya perkembangan pengaruh luar yang sentiasa berusaha mendapatkan sokongan masyarakat serta menghasut untuk bangkit menentang kolonialisme British. Menurut Rahman Embong, impak politikal sepanjang zaman perang dapat dilihat dalam peristiwa *Singapore Mutiny* dan Tok Janggut (Rahman Embong, 2014:7). Kebangkitan ini memperlihatkan bahawa pengaruh luar mampu memberikan kesan kepada British melalui penentangan bersenjata dan secara langsung kepada British. Kajian Rahman Embong berkenaan isu tersebut walaubagaimanapun bersifat ringkas mengenai impak dan sumbangan British Malaya pada zaman perang. Ahmad Kamal Ariffin (2009) dalam kajiannya pula menganalisis penglibatan NNMB dalam PD1 lebih terarah kepada sumbangan kewangan dan ekonomi terhadap British. Walaupun penelitian kajian Ahmad Kamal juga menumpukan kepada dasar, namun hanya tertumpu pada dasar ekonomi dan sumbangan kepada British. Maka kelompongan mengenai dasar politik dan hubungan luar akan ditumpukan dalam kajian ini.

Dalam penulisan Lim Teck Ghee (1977) dan J.S. Sidhu (1980) yang menumpukan analisis terhadap impak peperangan kepada orang Melayu dan pentadbiran British. Kekuatan penulisan ini adalah kepada sumber primer yang digunakan namun penyelidikan Sidhu lebih berkembang ke arah perkembangan seseorang watak dalam membincangkan pentadbiran British. Lim Teck Ghee dalam kajiannya lebih menumpukan impak perang khususnya dalam sektor ekonomi. Justeru itu, kajian ini ingin membincangkan usaha-usaha pengukuhan kolonialisme British sepanjang zaman perang melalui pelaksanaan dasar dan polisi yang menyekat pengaruh luar. Penelitian kajian ini adalah mengenai dasar-dasar British pada zaman perang terhadap negara-negara yang diperangnya iaitu Turki dan Jerman. Melalui kajian ini, pengukuhan kolonialisme British pada zaman perang akan dibincangkan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif berdasarkan kerangka metodologi penyelidikan sejarah iaitu melalui proses heuristik, kritik, tafsiran dan sistesis sumber. Metodologi kajian sejarah digunakan dalam kajian sejarah ini adalah untuk mencapai objektiviti sejarah iaitu mendapatkan kebenaran sesuatu peristiwa.

“Historical method may therefore be defined as a systematic body of principles and rules designed to aid effectively in gathering the source materials of history, appraising them critically, and presenting a synthesis of the result achieved. More briefly it may be defined as ‘a system of right procedure for the attainment of [historical] truth.’”(Garraghan, 1946: 33)

Maka kajian ini akan bergantung kepada sumber primer dan sekunder yang tepat dan mencukupi bagi menghasilkan kajian sejarah seperti yang sebenarnya berlaku. Dalam melaksanakannya, penulis menggunakan kaedah *library research* iaitu mengumpul maklumat di perpustakaan (penyelidikan di perpustakaan) yang melibatkan sumber primer dan sekunder.

Kajian ini adalah lebih bergantung kepada dokumen rasmi yang kebanyakannya terdiri daripada sumber primer dari pejabat kerajaan British seperti *High Commissioner Office* (HCO). Bagi skop kajian tempat iaitu di NNMB, bahan mengenai perbincangan Majlis

Mesyuarat Persekutuan iaitu *Federal Council Proceeding* (FCP) dan *Federal Council Gazette* (FCG) juga telah dianalisis bagi tujuan pembuktian fakta. Di samping itu, pengkaji juga merujuk fail-fail daripada sakteriat negeri seperti *Selangor Secretariat File* (SSF). Pengkajian terhadap dokumen rasmi British sangat penting dalam mendalami dasar-dasar British sepanjang zaman perang. Di samping itu, penelitian terhadap rekod-rekod rasmi British seperti daripada H.C.O, FCP dan FCG ini akan dapat membantu pengkaji memenuhi kelompongan kajian iaitu melalui penelitian perkembangan dasar British dan pengaruh luar di NNMB.

Sumber sekunder pula terdiri daripada buku-buku, jurnal, dan kertas penyelidikan. Sumber sekunder yang dipilih ini adalah sebagai bahan sokongan terhadap pengkajian selain memberikan gambaran mengenai perkembangan pentadbiran British di NNMB serta peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada zaman PD1. Sumber-sumber sekunder juga berperanan sebagai garis panduan dan perbandingan perbincangan dalam mencari lompongan dalam pengkajian sejarah. Melalui sumber-sumber ini, kaedah diskriptif akan dipraktikkan untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Ini dilakukan dengan menggunakan rekod-rekod British bagi pembuktian peristiwa dan perbincangan yang dijalankan.

KOLONIALISME BRITISH

Bagi memahami kolonialisme British di Tanah Melayu pada zaman PD1, istilah “kolonialisme” perlu dijelaskan. Menurut Fieldhouse (1981), istilah yang berkembang pada abad ke-19 itu merujuk kepada keadaan penguasaan politik, ekonomi dan intelektual terhadap negara yang dikuasai. Kolonialisme secara amnya merupakan pembentukkan sebuah koloni oleh kuasa kolonial yang lebih kuat iaitu bentuk penjajahan yang menguasai dan mengambil kesempatan terhadap sebuah kerajaan yang lebih lemah. Ronald J. Horvath menyatakan bahawa, kolonialisme adalah satu bentuk penguasaan iaitu kawalan ke atas wilayah atau tingkahlaku kumpulan lain oleh kumpulan lain yang asing (Ronald J. Horvath, 1972: 46). Micheal Adas dalam penulisannya mengenai imperialisme dan kolonialisme pula membahaskan kolonialisme sebagai proses pertapakan dan perkembangan penguasaan yang memberikan kesan terhadap masyarakat dan budaya tempatan (Micheal Adas, 1998, 371). Jelas sekali, istilah "kolonialisme" menggambarkan hubungan yang tidak seimbang di antara kuasa kolonial dengan tanah jajahan dan selalunya antara penjajah dan orang-orang tempatan.

Merujuk kepada NNMB, walaupun negeri-negeri tersebut diiktiraf sebagai negeri-negeri naungan British namun pentadbirannya berada di bawah nasihat daripada kerajaan British. “*In this case, British as the colonial power wanting stability in order to ensure ongoing trade and prosperity, began to advise Malay Rulers on how to govern in a ‘civilized’ manner, meaning adopting English law, government and, as much as possible, way of life*” (Carolina López C 2001: 15). Coralina dalam penulisannya mengaitkan kolonialisme di Tanah Melayu dengan perluasan pengaruh British yang diterapkan melalui nasihat yang bersifat ‘binding’. Kesannya budaya daripada kuasa kolonial terus berkembang kepada masyarakat tempatan. Dalam konteks NNMB, kolonialisme British melalui nasihat yang bersifat ‘binding’ tersebut terus berkembang iaitu dari sistem residen kepada sistem yang lebih besar iaitu MMP.

Adalah penting untuk ditonjolkan bahawa semasa PD1, British telah berusaha untuk memperluaskan kolonialisme mereka terhadap NNMB seperti salah sebuah negeri-negeri

tanah jajahannya. Dengan penubuhan Enakmen “*The Public Emergency*”, Pesuruhjaya Tinggi mendapat bidang kuasa yang besar semasa perang. Ini telah sekeras-kerasnya dibantah oleh ahli-ahli tidak rasmi MMP yang menentang idea memberikan kuasa yang luas kepada Pesuruhjaya Tinggi. Mereka menganggap ia sebagai satu percubaan untuk menghubungkan NNMB sama seperti NNS (Sidhu, 1980:94). Usaha memperluaskan kolonialisme juga boleh dilihat sebelum zaman perang iaitu melalui draf ‘*An Enactment to Provide for Extending to the Federated Malay States the Operation of Act of the Imperial Parliament*’ yang dirangka pada 30 Ogos 1912. (Selangor Secretariat 4434/1912, 27 September 1912) Ini merupakan satu percubaan untuk campurtangan terhadap pemerintahan tempatan iaitu merendahkan status NNMB seperti negeri jajahan. Jika enakmen tersebut diterima, pentadbiran NNMB akan menerima arahan British terus daripada parlimennya di London.

Semasa perang, NNMB terus menyumbang untuk membantu British menghadapi peperangan di Eropah. Cukai tambahan yang dikenakan dan derma dari NNMB adalah sumbangan penting kepada British. Antara tahun 1917-1919, pihak berkuasa British di NNMB mengusulkan sebanyak 2.6 juta pound untuk diberikan kepada British di mana cukai getah menyumbang hampir 1 juta pound (Drabble, 1973:129). Selain itu, NNMB juga mengusulkan bantuan kewangan bagi pembinaan kapal perang H.M.S. Malaya yang berjumlah \$ 2.5 juta Straits dolar, yang telah disumbangkan kepada tentera laut British (Rahman Embong, 2014:4). Secara umum, NNMB memainkan peranan yang amat penting sebagai negeri-negeri naungan British semasa PD1. Pihak British telah menggunakan peperangan untuk mengukuhkan kedudukan mereka dan mendapat manfaat daripada kolonialisme terhadap NNMB. Melalui perlaksanaan dasar dan undang-undang, penguasaan British di NNMB terjamin dan pengaruh asing disekat.

PENGUKUHAN PENGUASAAN BRITISH PADA ZAMAN PERANG

Perang Dunia Pertama meletakkan NNMB sepenuhnya berada di bawah penguasaan British iaitu melalui pengawalan terhadap kuasa politik dan ekonomi. Kolonialisme British terus diperkukuh melalui penyaluran bidang kuasa yang luas dan menyeluruh terhadap Pensuruhjaya Tinggi British. Apabila PD1 meletus pada 28 Julai 1914, British sedar bahawa negeri-negeri di Tanah Melayu harus berada sepenuhnya di bawah kawalan British dan medium utama yang harus digunakan adalah melalui undang-undang. British yakin bahawa perlaksanaan dasar yang tepat mampu memperkukuhkan pengaruhnya dan membendung pengaruh asing (M.A.A.Azmi & Mohd Samsudin, 2016: 17). Maka, British telah menggunakan penguasaan politik terhadap NNMB melalui perjanjian-perjanjian terdahulu dan sokongan daripada raja-raja Melayu untuk menggubal, meminda dan menghapuskan beberapa dasar bagi menjaga kepentingannya.

Penggubalan Enakmen “The Public Emergency”

Kejayaan awal British dalam memperkukuhkan kolonialisme terhadap NNMB pada zaman PD1 dapat dilihat melalui penggubalan enakmen kecemasan iaitu “*The Public Emergency Enactment, 1914*” (TPEE). Enakmen ini meletakkan NNMB berada sepenuhnya di bawah kawalan British pada zaman perang. Melalui enakmen ini, Pensuruhjaya Tinggi British boleh pada bila-bila masa pada zaman perang menggubal undang-undang untuk menjaga keselamatan awam dan pertahanan NNMB (Federated Malay States Government Gazette, No. 67: 1425-1426). Ini bermaksud pada zaman perang, British melalui Pensuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa untuk menggubal dan meminda undang-undang yang difikirkan

baik bagi pihak British untuk melindungi kepentingan NNMB daripada musuh asing. Enakmen ini terus diperkukuh pada tahun 1915 dengan pindaan yang memberikan kuasa kepada Pensuruhjaya Tinggi untuk meletakkan NNMB berada di bawah “*military rule*” sekiranya perlu (Proceeding of Federal Council, 27 April 1915). Dari aspek perundangan, TPEE memberikan kuasa kepada Pensuruhjaya Tinggi British untuk membicarakan kes-kes yang melanggar undang-undang samada perbicaraan di Mahkamah Tentera atau Mahkamah Sivil atau bagi kesalahan-kesalahan kecil di Mahkamah Majistret (Federated Malay States Government Gazette, No. 67: 1426).

TPEE sebenarnya merupakan enakmen asas kepada perkembangan beberapa undang-undang kecemasan lain sepanjang zaman perang. British melalui Pensuruhjaya Tingginya telah menggunakan kelebihan kuasa legislatif yang dimiliki untuk menggubal undang-undang yang dapat terus memperkukuhkan kolonialisme di NNMB. Melalui penggubalan “*The Naval and Military News (Emergency) Enactment, 1914*”, penerbitan berita mengenai ketenteraan laut dan darat British telah dilarang dengan keras. Melalui enakmen ini, sebarang maklumat tentang ketenteraan dan pertahanan British tidak boleh diterbitkan atau dihebahkan dan pesalah boleh dikenakan hukuman penjara atau denda \$3,000 atau kedua-duanya sekali (Selangor Secretariat 5788/1914, 23 November 1914). Penggubalan enakmen ini bertitik tolak daripada sokongan serius masyarakat Melayu terhadap Turki sebelum PD1 lagi. Melalui akhbar tempatan seperti Neracha, masyarakat Melayu menyatakan sokongan terhadap Turki dalam Perang Balkan (1912-1913). Akhbar tersebut bukan sahaja menyiarkan berita dan latar belakang peperangan malah turut mengutip derma untuk membantu Turki membeli senjata dan peluru (Nik Anuar Nik Mahmud 2009: 92). Maka, apabila British mula memerangi Turki pada 5 November 1914, British telah menggubal undang-undang tersebut untuk mengawal penyebaran berita yang dianggap mendatangkan kerugian kepada British. Draf enakmen tersebut kemudiannya disiapkan seawal 23 November 1914 iaitu 18 hari selepas peyitiharaan perang terhadap Turki (Selangor Secretariat 5788/1914, 23 November 1914).

Pengukuhan kolonialisme British turut dapat dilihat dalam bidang kuasa eksekutif yang diketuai oleh Pensuruhjaya Tinggi British. Melalui TPEE, Pensuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa dan tanggungjawab terhadap seluruh pegawai-pegawai perkhidmatan awam atau yang sedang berkhidmat di bawah Kerajaan Baginda British dan seluruh penduduk di NNMB (Federated Malay States Government Gazette, No. 67: 1426). Melalui enakmen ini, sesiapa sahaja boleh diperintahkan untuk ditahan dan dikeluarkan dari NNMB.

“The High Commissioner may order any person to quit the Federated Malay States or any part or any place in the said States to be specified in such order, and if any person shall refuse or neglect to obey any such order the High Commissioner may cause him to be arrested and removed from such part thereof or place therein and for that purpose to be placed in any railway train or on board of any ship or boat. (Selangor Secretariat 4943/1914, 8 Oktober 1914)

Berdasarkan pindaan seksyen 2A daripada “*The Public Emergency Enactment, 1914, Amendment Enactment, 1914*”, sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang British atau didapati mengancam kepentingan British dapat disingkirkan.

Aspek keselamatan NNMB juga menjadi keutamaan British. Pelabuhan yang merupakan jalan masuk ke dalam negeri mendapat perhatian dan kawalan utama British. Bagi mengelakkan sebarang kemasukan atau pencerobohan pengaruh asing terhadap NNMB,

beberapa peraturan telah ditetapkan untuk mengawal pergerakan kapal-kapal yang berada di kawasan pelabuhan dan perairan NNMB. Segala pergerakan kapal samada membawa penumpang atau barang dagangan keluar dan masuk harus diselia mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (Federated Malay States Government Gazette, No. 67: 1426). Seterusnya akta kawalan "*The Aliens Restriction (Seaman) Restriction, 1916*" telah digubal oleh Pesuruhjaya Tinggi British melalui TPEE. Melalui enakmen tersebut, seseorang yang hendak mendarat di pelabuhan harus mempunyai dokumen pengenalan diri atau pasport untuk semakan di pelabuhan. Tujuan utama penggubalan enakmen ini adalah sebagai sekatan awal bagi mereka yang ingin masuk ke dalam NNMB (Federated Malay States Government Gazette, No. 66: 1335-1336). Melalui pemeriksaan tersebut, British dapat menapis kemasukan individu yang dianggap musuh atau ancaman terhadap British. Kesannya kemasukan pengaruh luar di NNMB dapat disekat dan dikawal agar penguasaan kolonialisme British dapat terus diperkukuh sepanjang zaman perang.

TPEE juga berperanan penting dalam menjaga kepentingan ekonomi British. Kolonialisme yang diistilahkan sebagai dominasi terhadap sesebuah negara lain dapat dilihat dalam aspek ini. Kolonialisme British telah mengawal urusan ekonomi NNMB yang selama ini menjalankan kegiatan ekonomi dengan negara-negara seperti Jerman dan sekutunya sebelum perang. Buktinya melalui enakmen ini, beberapa peraturan berkenaan import dan eksport telah dikawal oleh British terutamanya kepada negara musuh atau neutral. Perkara ini dijelaskan dalam pindaan enakmen "*The Public Emergency Enactment, 1914, Amendment Enactment, 1914*" yang memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tinggi British untuk mewartakan larangan import atau eksport bagi NNMB ke tempat-tempat tertentu (Federated Malay States Government Gazette, No. 66: 1312). Berdasarkan enakmen ini, British dapat mewartakan barangan/komoditi atau haiwan yang dilarang untuk urusan import dan eksport ke negara-negara tertentu (Selangor Secretariat 4943/1914, 8 Oktober 1914). Sebagai contoh, getah dan bijih timah yang merupakan komoditi perdagangan utama dari NNMB tidak lagi akan diimport ke negara musuh terutamanya ke Jerman. Kesannya, melalui larangan ini, aktiviti ekonomi negara-negara yang sebelum ini mempunyai hubungan perdagangan dengan NNMB akan terputus sekiranya diperangi oleh British. Sekatan ini secara tidak langsung melumpuhkan ekonomi negara musuh yang selama ini banyak bergantung kepada komoditi dari NNMB seperti getah atau bijih besi.

Tuntasnya, TPEE merupakan undang-undang penting British pada zaman Perang. Perkara ini diakui oleh Pensuruhjaya Tinggi British, Sir Arthur Young dalam MMP sejeurus selepas British menyertai perang,

"Locally the war has affected us in many ways. At its outbreak a "Public Emergency Enactment" was passed conferring extraordinary powers upon the High Commissioner in order to enable him to meet, and promptly deal with, any abnormal situation that might arise." (Selangor Secretariat 0630/1915, 3 November 1914)

Melalui enakmen ini, pentadbiran NNMB berjaya dipusatkan kepada seorang wakil British iaitu Pensuruhjaya Tinggi. Hasilnya, British berjaya memperkukuhkan kolonialisme terhadap NNMB iaitu melalui penggubalan dan pemindaan dasar-dasar yang menjaga kepentingannya. Dasar-dasar ini secara jelasnya mendominasi pentadbiran tempatan NNMB sehingga tiada ruang campurtangan oleh Jerman dan Turki. Kuasa Pesuruhjaya Tinggi British yang besar melalui TPEE sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan

penguasaan British dari segenap aspek. Kesannya, segala ancaman dan pengaruh luar berjaya dibendung dan kepentingan British di NNMB dapat dijaga sehingga tamat peperangan.

Enakmen Daripada Negeri-Negeri Selat

Usaha-usaha pengukuhan kolonialisme British di NNMB pada zaman perang turut dapat dilihat melalui “*An Enactment to Provide for Extending to the FMS for the Operation of Proclamation Issued in the Colony of the Straits Settlement during the Continuance of War*” (Federated Malay States Government Gazette No. 3391, 9 November 1914). Enakmen ini digubal kerana terdapatnya halangan untuk menguatkuasakan perutusan raja British yang ditujukan kepada negara-negara jajahannya. Namun begitu, NNMB tidak tergolong sebagai negara koloni atau jajahan kerana berstatus negeri naungan. Bagi mengatasi kekangan tersebut, pentadbiran British di NNMB telah diarahkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan untuk menggubal undang-undang yang memberikan kuasa kepada Pensuruhjaya Tinggi British untuk menguatkuasakan “*King’s Proclamation*” untuk digubal menjadi undang-undang di NNMB (Proceeding of Federal Council, 3 November 1914). Jelasnya melalui penggubalan undang-undang tersebut, Pensuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa untuk mengambil undang-undang yang ditujukan kepada negara koloni iaitu NNS untuk diserapkan menjadi undang-undang di NNMB.

Matlamat utama penggubalan undang-undang ini adalah untuk memudahkan pentadbiran British di NNMB untuk menguatkuasakan “*King Proclamation*” dari Britain terutamanya dalam hal berkaitan strategi pertahanan dan menghadapi musuh. Perutusan raja British juga menghalang sebarang hubungan dengan negara musuh seperti urusan perdagangan atau apa-apa bantuan. Mereka yang melanggar perutusan raja British ini dianggap menderhaka dan kesalahan yang besar. Melalui penggubalan enakmen ini, perisytiharaan raja British untuk koloni-koloninya digubal sebagai undang-undang di NNMB. Kesannya, sebarang hubungan atau sokongan terhadap musuh British seperti Turki dan Jerman dapat dihalang. Oleh itu, melalui undang-undang ini kolonialisme British di NNMB telah berjaya diperkukuh oleh British. Secara tidak langsung, NNMB menerima arahan daripada kerajaan British di London dan bertindak seolah-olah sebagai sebuah negara jajahan British seperti NNS.

Sokongan Raja-raja Melayu

Dasar-dasar British sepanjang perang juga menjaga hubungan yang baik dengan raja-raja Melayu. Sokongan raja-raja Melayu sangat penting dalam memperkukuhkan kolonialisme British terutamanya pada zaman perang. British sedar bahawa masyarakat Melayu sangat patuh terhadap raja-raja mereka dan melalui sokongan raja-raja kepada British, masyarakat Melayu akan dapat dikawal dengan lebih mudah. Ini dapat dilihat apabila Turki menyertai pakatan Kuasa Pusat yang berperang dengan British, pentadbiran British di NNMB dengan segera merangka perisytiharaan perang untuk ditandatangani oleh raja-raja Melayu (Selangor Secretariat 5414/1914, 4 November 1914). Tanpa sebarang pilihan raja-raja Melayu terpaksa menandatangani perisytiharaan perang yang menyokong British.

“At the conclusion of the Federal Council the Proclamation was drafted and a copy of thereof is enclosed herewith. It was decided that only copy should be signed by all the Rulers of the four States, this copy to be transmitted to His Excellency the High Commissioner.” (Selangor Secretariat 5414/1914, 4 November 1914).

Walaubagaimanapun, langkah-langkah untuk mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu di NNMB perlu dilakukan dengan berhati-hati. Sama seperti langkah-langkah ketika mendapatkan tandatangan untuk Perjanjian Persekutuan pada tahun 1895, arahan dikeluarkan untuk mendapatkan tandatangan daripada Sultan Perak terlebih dahulu (Selangor Secretariat 5414/1914, 4 November 1914). Ini kerana jika negeri dan sultan yang paling berpengaruh sudah menandatangani sesuatu perjanjian maka secara tidak langsung dapat mempengaruhi negeri-negeri lain untuk mengikuti jejak langkah yang sama (Jargit Singh Sidhu, 1980: 40) Perisytiharaan itu seterusnya diedarkan di masjid-masjid dan tempat awam dengan hanya meletakkan tandatangan dan cop mohor raja negeri berkenaan tanpa sebarang notis yang memperlihatkan campurtangan British melalui keputusan Majlis Persekutuan (Selangor Secretariat 5414/1914, 4 November 1914).

British dalam hal ini sedar bahawa pengaruh Turki adalah berunsurkan elemen keagamaan yang sangat sensitif bagi masyarakat Melayu. Maka perisytiharaan sokongan oleh raja-raja Melayu terhadap British telah disebarikan secara meluas di masjid-masjid di setiap daerah (Selangor Secretariat 5490/1914, 16 November 1914). Selain itu, raja-raja Melayu juga dipaksa untuk mengadakan sembahyang hajat supaya British menang dalam peperangan tersebut (Secretary of State 37/1915, 1 Disember 1914). Pengedaran perisytiharaan ini adalah supaya penduduk di NNMB dapat melihat sokongan raja-raja di negeri mereka terhadap British serta turut sama menyokong British atas titah perintah raja. Dalam pada itu, perisytiharaan perang itu turut dicetak dalam bahasa-bahasa lain agar seluruh penduduk di NNMB tahu mengenai perang di antara British dan Turki seterusnya menyatakan sokongan terhadap British. Pada 9 November 1914 iaitu 4 hari selepas British mengisytiharkan perang terhadap Turki, sebanyak 2000 cetakan bertulisan Arab dan 500 cetakan bertulisan rumi telah disediakan untuk disebarikan kepada masyarakat (Selangor Secretariat 5529/1914, 9 November 1914).

Dasar Ekonomi

Dari sudut ekonomi, pengukuhan kolonialisme British di NNMB pada zaman perang lebih kepada usaha-usaha untuk melemahkan ekonomi negara-negara musuh terutamanya Jerman. Ini disebabkan oleh penguasaan komersial Jerman yang besar di peringkat antarabangsa yang dilihat merupakan senjata utama Jerman dalam memperkukuhkan ketenteraannya pada zaman perang (H.C.O. 8350/1916, 29 March 1917). Kejatuhan ekonomi musuh akibat sekatan akan melemahkan kedudukan ekonomi musuh di NNMB serta memperkukuhkan penguasaan kolonialisme British. Oleh itu British bermatlamat untuk menggunakan seluruh pengaruhnya termasuklah di NNMB untuk menjatuhkan ekonomi Jerman kerana kejatuhan ekonomi Jerman akan terus memperkukuh pengaruh British di Asia Tenggara khususnya di negeri-negeri Melayu. Ini dilaksanakan melalui penggubalan "*The Trading with the Enemy Enactment, 1914*" yang menerangkan tentang larangan untuk mengadakan urusan dengan musuh. Urusan yang dimaksudkan antaranya ialah sebarang bayaran, membekalkan barangan untuk urusan perdagangan, memasuki urusan perniagaan, insuran dan lain-lain yang membawa keuntungan kepada pihak musuh (Selangor Secretariat 5789/1914, 23 November 1914).

"*The Trading with the Enemy Enactment, 1914*" sebenarnya merupakan antara langkah awal British untuk menghalang urusan yang melibatkan negara musuh seperti Jerman dan Austria Hungary. Enakmen ini adalah susulan daripada perisytiharaan daripada King George yang memerintah agar British dan negara-negara jajahan dan naungannya untuk

tidak mengadakan urusan dengan negara musuh (H.C.O. 1479/1914, 6 Oktober 1914). Di Tanah Melayu, syarikat Jerman iaitu Behn Meyer telah menjadi salah satu syarikat dagang yang terbesar di seluruh Asia Tenggara dengan kepentingan dalam bidang insurans, perkapalan, perladangan dan bijih timah (Syakila Yacob, 2011: 15). Walaupun pada awalnya syarikat tersebut tidak diganggu oleh British namun selepas peristiwa kapal Jerman S.M.S Emden yang telah menyamar sebagai H.M.S Yarmouth menyerang kapal-kapal sekutu British di Pulau Pinang dan kemudiannya berlaku pemberontakkan tentera India Muslim di Singapura yang dikaitkan dengan provokasi Jerman, British mula mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap syarikat-syarikat Jerman.¹

Pengubalan *Alien Enemies (winding up) Ordinance* No. 29, 1914 adalah akta yang lebih jelas dalam mengenalpasti syarikat-syarikat yang boleh disekat berdasarkan "*The Trading with the Enemy Enactment, 1914*". Akta ini menjelaskan maksud "*Alien Enemy*" yang bermaksud pihak asing yang kedaulatannya atau negaranya sedang berperang dengan British. Akta ini berperanan untuk menyekat urusan niaga oleh syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan samada sebagai musuh asing ataupun syarikat musuh (Proceeding of the Federal Council, 28 March 1916). Sekiranya terdapat sebarang persoalan, maka kuasa terletak di tangan Pensurujaya Tinggi British untuk membuat keputusan. Bagi memudahkan urusan di seluruh NNMB, penyelesaian atau "*liquidator*" telah dilantik untuk melaksanakan tugas menutup syarikat-syarikat musuh. Pembekuan dan rampasan aset yang dilaksanakan oleh pentadbiran British di NNMB telah dilakukan secepat dengan arahan Pensurujaya Tinggi British. Semua syarikat musuh yang berada di NNMB wajib dibekukan dan dirampas. "*Liquidator*" telah diberikan kuasa untuk menarik semula kontrak perniagaan mana-mana syarikat yang telah diputuskan agar pembekuan dan rampasan aset dapat dilaksanakan mengikut polisi yang ditetapkan (H.C.O. 386/1916, 11 Februari 1916). Kesannya, melalui *Alien Enemies Ordinance 1914*, kesemua perniagaan Jerman telah disingkirkan dan penduduk Jerman di negeri-negeri Melayu dikehendaki menyerah diri untuk disoal siasat oleh British.²

Seterusnya dalam urusan perdagangan eksport dan import, pengubalan dasar yang membendung ekonomi musuh telah berkembang dari semasa ke semasa sepanjang zaman perang. Melalui akta "*The Trading with the Enemy and Export of Prohibited Goods Act, 1917*", British berhasrat untuk mengawal hubungan perdagangan NNMB dengan musuh British iaitu melalui larangan eksport komoditi yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Proceeding of the Federal Council, 17 November 1917) Akta ini juga menetapkan kesalahan terhadap mereka yang memberikan maklumat palsu dalam mendapatkan lesen perniagaan (H.C.O. 415/1917, 24 Januari 1914). Mereka yang dicurigai atau dilaporkan untuk disoal siasat akan diperiksa. Tindakan tegas British ini adalah bagi menyekat sebarang urusan perdagangan yang melibatkan musuh terutamanya syarikat-syarikat daripada Jerman.

Selain itu bagi membendung perdagangan Jerman dan musuh British di NNMB, British juga telah menggubal enakmen "*The Custom (War Power) Enactment, 1916*". Melalui enakmen ini, satu jawatankuasa Pensurujaya Perdagangan dan Kastam telah ditubuhkan untuk mengawal segala aktiviti import dan eksport di NNMB (M.S.Mokhtar & Mohd Samsudin, 2015: 376). Enakmen ini sangat penting kepada British kerana barangan dan komoditi dari NNMB tidak dibenarkan untuk dieksport ke negara-negara musuh dan negara di bawah pengaruh musuh terutamanya komoditi getah dan timah (Proceeding of the Federal Council, 28 Mac 1916). Di samping itu, bagi memusnahkan ekonomi Jerman, satu penyata mengenai langkah-langkah untuk memintas perdagangan laut Jerman telah dikeluarkan oleh British agar pentadbiran NNMB dapat turut sama membantu untuk

melumpuhkan ekonomi perdagangan Jerman. Menerusi pernyataan ini, kuasa laut yang dimiliki oleh British perlu digunakan untuk memintas kapal-kapal perdagangan agar dapat melumpuhkan import dan eksport negara musuh terutamanya Jerman yang cuba diseludup melalui kapal-kapal musuh atau neutral (Selangor Secretariat 1351/1916, 2 March 1916).

Pernyataan yang dikenali sebagai "*Statement of the Measures adopted to Intercept the Sea-borne Commerce of Germany*" telah memudahkan pentadbiran British di NNMB untuk memintas kapal-kapal perdagangan Jerman mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Pemintasan ini dilakukan dengan 3 cara iaitu rampasan barangan daripada kapal-kapal musuh atau neutral yang dikenalpasti sebagai "*contraband of war*". "*Contraband*" bermaksud barang-barang yang destinasi akhirnya adalah di pelabuhan-pelabuhan musuh.³ Cara kedua adalah rampasan terhadap hartabenda atau apa-apa yang dimiliki oleh musuh dan cara pemintasan terakhir adalah sekatan atau embargo terhadap kapal-kapal musuh untuk memasuki kawasan-kawasan tertentu (Selangor Secretariat 1351/1916, 2 March 1916). Kesannya, perdagangan eksport dan import Jerman hampir lumpuh berdasarkan pemintasan ini.

KESIMPULAN

Kolonialisme yang membawa kepada pengukuhan penguasaan British terhadap NNMB sangat ketara pada zaman PD1. Melalui penguasaan politik yang kuat terhadap raja-raja Melayu, British berjaya menarik sokongan masyarakat agar menumpukan kesetiaan kepada British. Ini dapat dilaksanakan melalui penggubalan undang-undang yang membendung pengaruh luar untuk berkembang di NNMB. Jelasnya melalui penggubalan beberapa undang-undang yang membendung pengaruh luar, secara tidak langsung pengaruh dan penguasaan British dapat diperkukuhkan. British dalam hal ini sedar bahawa peristiwa PD1 mampu memberikan keuntungan kepada British melalui penyaluran kuasa politik yang kukuh kepada wakil kerajaan British di Tanah Melayu iaitu Residen Jeneral. Undang-undang kecemasan ternyata memberikan keuntungan kepada British kerana melaluinya, British telah menggubal dan meminda dasar-dasar penting sepanjang zaman perang agar kepentingannya dapat terus dijaga. Impak yang dapat dilihat dalam pengkajian ini, British berjaya menyekat dan seterusnya membendung perkembangan pengaruh luar di NNMB. Melalui undang-undang dan polisi yang digubal dan dipinda sepanjang zaman perang, pengaruh ekonomi Jerman berjaya dilumpuhkan dan pengaruh sosial Turki dalam kalangan masyarakat NNMB berjaya dikawal. Titah perintah yang dikeluarkan oleh raja-raja Melayu agar menyokong British juga memainkan peranan penting disamping hukuman yang berat dikenakan kepada pesalah. Dalam pada itu, British juga telah menggunakan propaganda untuk menanam rasa takut dan benci kepada musuh. Kesannya, melalui usaha-usaha British, pengaruh musuh dapat dibendung sekaligus memperkukuhkan kolonialisme British di NNMB. Kesimpulannya, PD1 telah memberi ruang kepada British untuk mendominasi pentadbiran NNMB melalui penggubalan dan pindaan dasar sepanjang zaman perang.

¹ Syarikat Behn Meyer telah dituduh "*not only as a German trading concern but as a German political agency*". The Straits Times, 6 Mac 1917, Arkib Negara Malaysia, Hlm., 6. Penyasatan peribadi yang dilakukan di Singapura, menurut *London and China Express* memyatakan Dahagi yang berlaku di Singapura adalah hasil komplot Jerman. Behn Meyer sememangnya mempunyai hubungan perniagaan yang baik dengan peniaga India Muslim kerana sering memberi pinjaman kredit jangka panjang bukan sahaja kepada peniaga China tetapi juga peniaga India. Syarikat tersebut dituduh dituduh mengeksploitasi hubungan baik dan kesetiaan rakan peniaga

India Muslimnya dengan mempergunakan mereka bagi melancarkan Dahagi tersebut. Rujuk Syakila Yacob, 2011, Hlm., 18.

² Kesemua penduduk Jerman yang menetap di NNMB dikehendaki untuk pergi ke Singapura untuk disoal siasat. Layanan ini dianggap tidak baik bagi penduduk tempatan kerana terdapat penduduk Jerman yang telah lama menetap di NNMB dan memberikan sokongan terhadap British. Mereka tidak harus dilayan seperti musuh atau tahanan perang. Rujuk Selangor Secretariat 5207/1914, 27 Oktober 1914, Arkib Negara Malaysia.

³ Klasifikasi barangan "*Contraband*" terbahagi kepada 3 iaitu (a) barangan yang digunakan untuk tujuan peperangan (b) barangan yang boleh digunakan untuk tujuan peperangan atau tujuan yang aman (c) barangan yang semestinya untuk tujuan yang aman. Di bawah undang-undang "*contraband*", barangan di bawah klasifikasi (a) dan (b) boleh dirampas jika boleh dibuktikan destinasi barangan tersebut ke negara musuh manakala barangan (c) harus tidak dirampas. Walaubagaimanapun pemintasan terhadap barangan seludup ini mendapat perdebatan daripada pelbagai negara. Rujuk Selangor Secretariat 1351/1916, 2 March 1916, Arkib Negara Malaysia.

RUJUKAN

Sumber Primer: Dokumen Arkib

Federal Secretary File, (1905-1908), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

High Commissioner Office File, (1914-1917) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Proceeding of the Federal Council, (1916-1917) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Secretary of State File. (1914) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Selangor Secretariat File. (1914-1918) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Gazete Kerajaan

Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, No. 66 Vol. VIII, No.2248-2250

Second Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, No. 67 Vol. VIII, No. 2407.

Sumber Sekunder: Buku & Artikel Jurnal

Abdul Rahman Embong. 2014. The First World War (1914-1918) And Its Economic And Political Impacts on British Malaya. Kertas kerja "*Revisiting the Outbreak of World War I: A Centennial Commemorative Conference, 2014*". 6-8 Ogos 2014.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2009. "The Federated Malay States' Tacit Involvement in the First World War, 1914-1918. *Jurnal Sarjana*. 24(1):102-118.

Azmi, M.A.A & Samsudin, M. 2016. Singapura dan Pengaruh Luar Menjelang Perang Dunia Pertama. *Geografia Malaysian Journal of Space and Society*. 12(10): 40-48.

Azmi, M.A.A & Samsudin, M. 2016. Pengukuhan Penguasaan British Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Melalui 'The Public Emergency Enactment, 1914'. *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History* 1(1), edited Mohd Samsudin and Mohd Shazwan Mokhtar. Bangi: Muzium Warisan Akademik UKM.

Beaverbrook. 1956, *Men and Power 1917-1918*. London: Hutchinson.

Drabble, J.H. 1973. *Rubber in Malaya 1876-1922: The Genesis of the Industry*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Fieldhouse, D.K. 1981. *Colonialism 1870-1945 An Introduction*. Weidenfeld and Nicolson: London.

Garraghan, G.J. 1946. *A Guide to Historical Method*. New York: Fordham University Press.

Jargit, Singh Sidhu. 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*. New York: Oxford University Press.

Lim Teck Ghee. 1977. *Peasant and Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. Petaling Jaya: Oxford University Press.

López, C. Carolina. 2001. The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions. *Sari*. 19: 3-33.

Mokhtar, M.S. & Samsudin, M. 2015. 'Kill German Trade': Penilaian Terhadap Usaha British Membendung Perdagangan Musuh di Tanah Melayu Sewaktu Perang Dunia Pertama. *In Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM)*. 25-26 November 2015.

Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Perang Turki Uthmaniyah Dengan Britain (1914) Dan Reaksi Orang Melayu* [Dlm] Farid Mat Zain (pnyt). *Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Ronald J. Horvath. 1972. A Definition of Colonialism. *Current Anthropology*. 13(1):45-57.

Syakila Yacob. 2011. Risiko Politik dan Perniagaan Jerman di Tanah Melayu: Kajian Kes Syarikat Behn, Meyer & Co., 1840-1959. *Jurnal Sejarah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sanders, M. L. 1975. Wellington House and British Propaganda during the First World War, *The Historical Journal*, 18:1:119-146.

Nama: Muhammad Aslah Akmal Azmi
Institusi: Universiti Kebangsaan Malaysia
email: aslahakmal@ukm.edu.my